

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7

Tingkatkan upah ke tahap 45%

TAMBAH BAIK KUALITI HIDUP RAKYAT

Tingkatkan upah ke tahap 45%

Bernama

Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan memberi tumpuan untuk meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat menerusi Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat yang dilancarkan beliau semalam.

Beliau berkata, ini merangkumi keperluan perlindungan sosial untuk semua, pekerjaan dengan gaji bermakna serta perkongsian kekayaan bagi membina masyarakat lebih saksama dan sejahtera.

"Kejayaan pembaharuan struktur ekonomi perlu dihitung setakat mana ia mampu mewujudkan lebih banyak pekerjaan dengan gaji yang bermakna kepada rakyat Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis peluncuran kerangka ekonomi baru itu di sini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kadar upah dan gaji buruh berbanding jumlah keseluruhan pendapatan di Malaysia adalah sebanyak 32.4 peratus bagi tahun lalu.

Beliau berkata, bagi mencapai perkongsian ekonomi yang lebih seimbang, kerajaan akan melaksanakan dasar yang menyokong peningkatan upah berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ke tahap 45 peratus selaras dengan tahap negara lebih maju.

"Antara usaha termasuklah kajian semula tahap gaji



PERDANA MENTERI, DATUK SERI ANWAR IBRAHIM (TENGAH) BERSAMA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR AHMAD ZAHID HAMIDI DAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA, TAN SRI MOHD ZUKI ALI PADA PERASMIAN MAJLIS PELUNCURAN EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT DI SURUHJAYA SEKURITI MALAYSIA, SEMALAM.

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT



Malaysia Berdasarkan Nilai MADANI

(Kemampaman, Kesejahteraan, Daya Cipta, Nilai Hormat, Keyakinan & Ihsan)

BERGAMBAR: BERNAMA

minimum serta memperkenalkan undang-undang yang menjamin persekitaran kerja yang selamat dan selesa.

"Selain pelaksanaan gaji minimum, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia sedang memperhalusi model gaji progresif ke arah kenaikan pendapatan yang lebih terrangkum," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, peningkatan pendapatan selaras dengan produktiviti adalah kritikal bagi memastikan tahap kualiti hidup yang bermakna dalam masyarakat yang terangkum.

Menurutnya, peningkatan pendapatan yang terangkum

baran kos sara hidup.

Beliau berkata, negara ini perlu mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing, kurang mahir yang menyumbang kepada nilai gaji keseluruhan yang rendah malah mengurangkan moral dan insentif majikan untuk berinovasi dan meningkatkan tahap berdaya saing.

Anwar berkata, justeru kerajaan berhasrat melaksanakan levi pekerja asing berperingkat iaitu sebahagian peningkatan hasil levi akan dikuasaskan untuk program automasi serta latihan untuk pekerja tempatan.